

Pelan komprehensif kawal sempadan

FOTO: BERNAMA

PUTRAJAYA - Pelan komprehensif utama untuk kawalan sempadan akan dilaksana bagi memerangi kegiatan jenayah rentas sempadan termasuk pemerdagangan orang, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin.

Melalui pelan itu, katanya, semua aset agensi keselamatan akan digabungkan bagi membolehkan kawalan di sempadan negara dilakukan dengan lebih baik dan berkesan.

“Bila kata pelan komprehensif, kita akan tentukan semua aset (agensi keselamatan) yang ada di seluruh negara digabungkan.

“Selain itu, akan ada agensi sempadan tunggal dan kita akan gunakan teknologi terkini untuk kita kawal orang keluar masuk negara,” katanya selepas merasmikan sambutan Hari Imigresen Tahun 2022 pada Khamis.

Hamzah berkata demikian ketika mengulas tindakan yang akan dilaksana kerajaan susulan laporan Malaysia kekal pada tahap tiga (Tier 3) dalam Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat Mengenai Pemerdagangan Orang 2022.

Dalam laporan itu, ia mendedahkan kerajaan gagal mencapai piawai minimum terhadap usaha menghapuskan pemerdagangan manusia.

Mengulas laporan tersebut, Hamzah berkata, penilaian laporan itu telah dibuat secara subjektif dan



Hamzah (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Arkitek Transformasi Digital kepada Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Rekod Imigresen Putrajaya, Rosfan Hashim sambil disaksikan oleh Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud (kiri).

juga mengambil kira pelbagai persepsi mengenai usaha Malaysia dalam menangani pemerdagangan orang.

“Laporan turut dipengaruhi oleh tindakan seperti golongan majikan dan pekerja yang terlibat dalam persekitaran eksploitasi kerja, contohnya melakukan penderaan, menahan pasport, bekerja secara haram, tidak membayar gaji dan tidak menyediakan penginapan yang sesuai,” katanya.

Hamzah menegaskan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa mengambil tindakan strategik dan tegas bagi memerangi jenayah pemerdagangan orang di Malaysia.

Antara tindakan strategik yang te-

lah dilaksana adalah pindaan kepada Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang berkuat kuasa pada 22 Februari lepas serta Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang Tahun 2021-2025 (NAPTIP 3.0).

“Pemeriksaan kerjasama sedia ada juga dibuat melalui melalui pendekatan seluruh negara dengan pelbagai pemegang taruh di peringkat domestik dan antarabangsa,” ujarnya.

Mengenai Subseksyen 4(5) Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA, Hamzah berkata, beliau terbuka untuk berbincang dengan mana-mana pihak termasuk pembangkang berhubung penambahbaikan akta itu. - Bernama